



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 MEI 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

15 MEI 2022 (AHAD)

Harga Maksimum Ayam dan Telur

KPDNHEP Johor kenakan kompaun RM100,800

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Johor mengenakan kompaun berjumlah RM100,800 bagi 118 kesalahan sepanjang kempen Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu.

Pengaruhnya, Mohd Hairul Anuar Bohro, berkata kompaun itu dikenakan bagi pelbagai kesalahan antaranya tidak meletak tanda harga, menjual melebihi harga kawalan dan tidak guna kad tanda harga warna merah jambu.

"Kesalahan itu dikesan selepas 4,037 pemeriksaan meliputi 3,974 peruncit dan 53 pemborong dan sepuluh peladang.

"Sebanyak 118 kes dihasilkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM100,800.

"Sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (HRP) 2022, KPDNHEP Johor melakukan 586 pemeriksaan meliputi 581 peruncit dan lima pemborong.

"Sebanyak 18 kes dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM 2,200," katanya dalam kenyataan semalam.

Di Kangar, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Azman Mohd Yusof, berkata pihaknya akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen individu yang menjual atau menyewa lesen perniagaan runcit secara 'Ali Baba' kepada orang asing, khususnya di pekan sempadan.

Katanya, pihaknya maklum kebimbangan peniaga tempatan pekan sempadan di Kelantan, Kedah dan Perlis terhadap kebanjiran peniaga warga asing selepas pembukaan sempadan Malaysia-Thailand baru-baru ini.

"Bagi peniaga tempatan yang menjual atau menyewa lesen perniagaan mereka kepada warga asing, tindakan pembatalan lesen operasi perniagaan boleh dilaksanakan oleh pihak PBT (pihak berkuasa tempatan)," katanya ketika dihubungi *BERNAMA*.

Azman berkata kerajaan hanya membenarkan warga asing yang memegang pas penggajian kategori satu iaitu bergaji RM10,000 ke atas dan kategori dua (RM5,000 ke atas) untuk membuka perniagaan di negara ini.

Harga sayur meningkat

Kaedah rentas kementerian atasi isu

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil pendekatan rentas kementerian bagi mengatasi isu harga sayur yang meningkat kerana ia berlaku di peringkat pengeluaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata lonjakan harga sayur di pasaran ketika ini dikenal pasti berpunca daripada peringkat pengeluar, susulan beberapa faktor seperti peningkatan harga bahan, kos logistik dan kekurangan sumber tenaga manusia di tapak pertanian.

Justeru, katanya, kerjasama akan dijalin dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi merungkai isu terbabit.

"Saya juga sudah mengarahkan anggota penguat kuasa KPDNHEP untuk menjalankan siasatan sekitarannya terdapat aktiviti pencatutan."

"Siasatan akan dijalankan mengikut Akta Kawalan Harga dan



Orang ramai berdepan kenaikan harga sayuran 50 peratus ketika tinjauan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.
(Foto Azhar Ramli/BH)

Antipencatutan (AKHAP) 2011 yang mana tindakan tegas akan diambil sekiranya ada peniaga mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencaut.

"Pihak kementerian juga ada menerima laporan kenaikan harga sayur dan kes akan disiasat mengikut kes demi kes," katanya semalam.

Pengerusi Persekutuan Pena-

nam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, sebelum ini mendedahkan harga sayuran naik di antara 30 hingga 50 peratus sejak Aidilfitri lalu, berikutan kekurangan bekalan sesetengah jenis bekalan, selain kenaikan mendadak harga bahan.

Katanya, kenaikan harga sayur turut diburukkan dengan kekurangan tenaga buruh asing di ladang sayur seluruh negara.

Alexander berkata semakan mendapati perubahan harga semasa barang keperluan asas itu dipacu rangkaian faktor luaran.

"Harga sayur meningkat kerana kos logistik dan bahan yang juga mewakili sebahagian besar daripada penentuan harga akhir untuk dijual di pasaran."

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum, sekali gus mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya menyumbang kepada punca kenaikan harga sayuran di pasaran," katanya kepada BH, semalam.

KPDNHEP kompaun RM100,800 kepada peniaga ayam, telur

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengenakan kompaun sejumlah RM100,800 bagi 118 kesalahan sepanjang kempen Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam dilaksanakan.

Pengaranya, Mohd. Hairul Anuar Bohro berkata, kompaun itu dikenakan bagi pelbagai kesalahan seperti tidak meletak tanda harga, menjual melebihi harga kawalan dan tidak guna papan tanda harga warna merah jambu.

Katanya, kesalahan itu dikehaskan dalam 4,037 pemeriksaan meliputi 3,974 di peringkat peruncit, 53 (pemborong) dan 10 di peringkat peladang.

"Kempen bermula 5 Februari hingga 5 Jun depan ini sebagai langkah menstabilkan harga ayam dan telur ayam serta memastikan keberadaan bekalan di pasaran, selain memastikan Keluarga Malaysia dilindungi dan tidak terbebar dengan peningkatan kos sara hidup.



PENGUAT kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan di sebuah pasar sekitar Johor.

"Sepanjang tempoh penguatkuasaan dilakukan, sebanyak 118 kes dikesan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM100,800 telah dikenakan," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd. Hairul berkata, pihaknya turut mengeluarkan kompaun sejumlah RM2,200 bagi 18 kes di bawah Akta sama sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa (HRP) 2022.

Restoran caj harga tidak munasabah diberi notis

MELAKA - Dua pengusaha restoran di MITEC Ayer Keroh, dipercayai mengambil kesempatan mengejutkan harga tidak munasabah kepada pelanggan dikenakan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Anti Percututan (AKHAP) 2011.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, pasukan penguat kuasanya telah melakukan operasi mengejut di kedai berkenaan selepas menerima aduan mengenai harga caj tinggi untuk menu sarapan pagi.

Menurutnya, hasil semakan mendapati, salah sebuah restoran iaitu restoran yang menjual nasi campur bukan pertama kali melakukan kesalahan mengenakan caj harga makanan yang tidak munasabah.

Malah katanya, pengusaha terbabit berulang kali melakukan kesalahan sama dan pernah dikenakan kompaun.

"Kita akui pemaga berdepan



NORENA

dengan kenaikan harga bahan mentah antara 10 sen hingga 50 sen namun tidaklah sehingga membolehkan mereka menaikkan harga sekitar RM2 hingga RM3.

"Contoh bagi menubihun kosong dan ayam yang dipotong kecil, sepertinya dikenakan caj RM5 hingga RM5.50 namun ia mencecah hingga RM10.

"Restoran terbabit telah diberi notis bertulis untuk memberikan penjelasan kenaikan caj harga makanan itu dalam tempoh tujuh hari sebelum sebarang tindakan selanjutnya diambil," katanya ketika dihubungi di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tindakan itu adalah cubaan peniaga untuk menaikkan harga dengan alasan terpaksa kerana bahan mentah yang mereka terima hari ini terlalu tinggi.

Bagaimanapun, pihaknya akan meneruskan pemantauan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna.

Don't raise food prices, Melaka traders told

MELAKA: Food traders in Melaka have been warned not to use the influx of tourists in the state as an excuse to increase food prices.

Melaka director of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Norena Jaafar, said her office has been receiving complaints over unreasonable price increases at several restaurants in Ayer Keroh.

Following this, inspections were conducted and notices issued to the relevant restaurant operators, she added.

She said checks found that traders had increased the price of food by RM2 or RM3, with reasons given ranging from the higher cost of raw materials to needing to cover the losses they suffered for two years due to the Covid-19 pandemic.

Norena told Bernama that there is a slight increase in the price of raw materials, but it is still under control.

During spot checks conducted on food traders in Ayer Keroh on Thursday, she said two notices under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 were issued against the owners of two restaurants following public complaints over "unreasonable" food prices at the establishments.

"The notice must be answered by the traders or owners within seven days, failing which action can be taken. If found guilty, they can be compounded between RM100 and RM10,000," she said.

Rasuah: Penguat kuasa KPDNHEP direman 4 hari

GEORGETOWN: Seorang pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Timur Laut di sini direman empat hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan nilai RM3,000.

Perintah tahanan reman bermula semalam sehingga 17 Mei itu dikeluarkan Majistret Tunku Intan Nadiah Tunku Mohammed Nazarin selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G. Jayaraj membuat permohonan di Mahkamah Majistret, di sini semalam.

Menurut sumber, lelaki berusia 48 tahun itu ditahan

ketika menerima wang berkenaan daripada seorang pengudu di sekitar Bayan Baru dekat sini petang semalam.

Katanya, wang itu sebagai balasan untuk menyelesaikan kes yang masih di dalam siasatan dan supaya tindakan tidak diambil ke atas pengadu atas kesalahan memiliki gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi melebihi kapasiti yang dibenarkan.

Difahamkan kesalahan itu dilakukan sejak tahun lalu dan pengadu berkenaan membuat laporan kepada SPM awal bulan ini.

Suspek yang tidak diwakili peguam itu disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPM 2009.



SEORANG pegawai penguat kuasa KPDNHEP Timur Laut direman empat hari bagi membantu siasatan kes rasuah RM3,000 di Mahkamah Majistret, Georgetown, Pulau Pinang, semalam.

Pegawai KPDNHEP disyaki terima suapan

Georgetown: Seorang Penolong Pegawai Penguat kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Timur Laut direman empat hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes rasuah bernilai RM3,000.

Ia dikatakan sebagai balasan untuk tidak mengenakan kompaun dan menyelesaikan kes sedang dalam siasatan KPDNHEP Pulau Pinang membabitkan kesalahan menyimpan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi melebihi kuantiti dibenarkan.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Tunku Intan Nadiah Tunku Mohammed Nazarin selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G Jayaraj membuat permohonan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Difahamkan, lelaki berusia 48 tahun itu ditahan ketika dikatakan menerima wang suapan berkenaan daripada pengadu di sekitar Bayan Baru dekat sini, lewat petang kelmarin.

HARI : AHAD
TARIKH : 15/5/2022
M/SURAT : 14

Penolong Penguat kuasa KPDNHEP direman empat hari

GEORGETOWN - Seorang Penolong Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang direman selama empat hari bermula Sabtu selepas dipercayai meminta dan menerima rasuah bernilai RM3,000.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Mahkamah Georgetown, Tunku Intan Nadiah Tunku Mohammed Nazarin selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G Jayaraj membuat permohonan itu pada Sabtu.

Suspek berusia 48 tahun itu tiba di mahkamah pada jam 10.30 pagi berpakaian baju lokap dengan diiringi beberapa pegawai SPRM.

Difahamkan, suspek yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Timur Laut di Georgetown ditahan petang Jumaat di Bayan Baru ketika menerima wang berkenaan daripada pengadu.

Menurut sumber, wang suapan terbabit dipercayai sebagai balasan untuk menyelesaikan kes yang berlaku pada 2021 dan tidak diambil tindakan ke atas pengadu atas kesalahan memiliki gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi melebihi had kuantiti dibenarkan.

Suspek dipercayai melakukan kesalahan itu sejak tahun lalu dan pengadu berkenaan membuat laporan kepada SPRM awal bulan ini.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan suspek tidak diwakili peguam.

HARI : AHAD
TARIKH : 15/5/2022
M/SURAT : 18

PEGAWAI KPDNHEP DIREMAN 4 HARI

Ditahan ketika terima rasuah!

Georgetown: Seorang penolong pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Timur Laut ditahan reman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah bernilai RM3,000.

Ia sebagai balasan untuk tidak mengenakan kompaun dan menyelesaikan kes yang sedang dalam siasatan KPDNHEP Pulau Pi-

nang membabitkan kesalahan menyimpan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi melebihi kuantiti yang dibenarkan.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Tunku Intan Nadiah Tunku Mohammed Nazarin selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G Jayaraj membuat permohonan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Difahamkan lelaki berusia 48 tahun itu ditahan ketika menerima wang suapan tersebut daripada pengadu di sekitar Bayan Baru, dekat sini, petang kelmarin.

Kes yang

disiasat disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 itu dikatakan berlaku sejak tahun lalu dan pengadu berkenaan kemudiannya bertindak membuat laporan kepada pihak SPRM awal bulan ini.

Terdahulu, orang yang disiasat terbabit tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 10.30 pagi diiringi pegawai SPRM dan memakai baju lokap berwarna jingga.

Lelaki berusia 48 tahun ditahan ketika menerima wang suapan

Pegawai KPDNHEP rasuah direman

GEORGE TOWN – Seorang pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daerah Timur Laut di sini direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan nilai RM3,000.

Perintah tahanan reman bermula semalam sehingga Selasa dikeluarkan Majistret Tunku Intan Nadiah Tunku Mohammed Nazarin selepas Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), G. Jayaraj membuat permohonan di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Menurut sumber, lelaki berusia 48 tahun itu ditahan ketika menerima wang berkenaan daripada seorang pengadu di sekitar Bayan Baru dekat sini petang kelmarin.

Katanya, wang itu sebagai balasan untuk menyelesaikan kes yang masih di dalam siasatan dan supaya tindakan tidak diambil ke atas pengadu atas kesalahan memiliki gas petroleum cecair bersubsidi melebihi kapasiti yang dibenarkan.



SEORANG pengawal penguat kuasa KPDNHEP direman selepas menerima rasuah RM3,000 semalam.

Difahamkan kesalahan itu dilakukan sejak tahun lalu dan pengadu berkenaan membuat laporan kepada SPMR awal bulan ini.

Suspek yang tidak diwakili peguam itu disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPMR 2009.